

PERKESO

Prihatin

Mac 2024

*PERKESO membawa
senyuman sebar
kegembiraan*



Memperkasakan hak wanita

Sumbangan besar golongan Hawa kepada sumber tenaga kerja negara.

Forum Ekonomi Dunia (WEF) menerusi laporannya sebelum ini mendedahkan bahawa terdapat jurang yang amat ketara antara wanita dan lelaki, dalam aspek pembabitan memacu ekonomi Malaysia.

Malah, perangkaan lanjut dikemukakan Bank Dunia mencetuskan kebimbangan apabila sekitar 55.5 peratus daripada wanita di negara ini yang sepatutnya berpotensi untuk mempunyai kerjaya tetapi didapati tidak berada dalam tenaga kerja aktif. Persoalannya, di mana gerangan kaum Hawa ini?

Sebenarnya, dianggarkan tiga juta wanita di negara ini dikesan ‘hilang’ daripada arus tenaga kerja kerana menggalas tugas sebagai suri rumah sepenuh masa.

Dari kaca mata pengurusan sumber manusia, ekonomi Malaysia bakal lebih mampan menerusi penyertaan aktif wanita dalam tenaga kerja kerana pengiraan kasar berdasarkan paras gaji minimum menyaksikan tiga juta golongan Hawa ini berupaya menjana pendapatan sekitar RM54 bilion setahun.

Tenaga kerja mewakili komposisi lebih menyeluruh ini berupaya menjadi kenyataan, dengan syarat, kesaksamaan gender bukan lagi sekadar menanam tebu di pinggir bibir.

Selari tema ‘Wanita Dijulang, Negara Gemilang’, dua aspek menjadi perjuangan PERKESO, iaitu pengukuhan jaringan perlindungan sosial dan menyeimbangkan bebanan dalam sektor ekonomi ihsan atau care economy.

Bagi memperkasa sudut jaminan kebijakan, Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) yang diwujudkan sejak Disember 2022 kini giat dihebah dan ditambah baik, demi menampani suri rumah daripada risiko terjerumus ke kancang kemiskinan akibat menanggung beban kewangan bagi tujuan perubatan dan sebagainya.



Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO

Kedua, menggalakkan suri rumah kembali bekerja, dengan penyediaan faedah bagi menampung kos penjagaan anak, yang dijangka berupaya diwujudkan menerusi pindaan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

Rangkaian usaha yang menjadi sebahagian tekad kempenia PERKESO Membawa Senyuman ini juga diperkuuh dengan platform Sinergi Sosial. Menggariskan pendekatan *no wrong door policy*, saya yakin martabat wanita mampu dilonjak ke aras tertinggi.

Kemerahan Fiesta PERKESO

Membawa Senyuman

Platform santuni masyarakat lebih dekat dengan menyediakan perlindungan keselamatan sosial komprehensif.

Meriah dan berinformasi. Itulah suasana dapat disaksikan sepanjang tiga hari berlangsungnya Fiesta PERKESO Membawa Senyuman anjuran Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di pekarangan gedung MyTown, Kuala Lumpur awal Mac lalu.

Kehadiran pengunjung daripada pelbagai lapisan umur dan latar belakang termasuk selebriti tempatan seperti Rozita Che Wan dan Izzue Islam menggagatkan lagi acara.

Keterujaan jelas terpancar apabila pengunjung tidak melepaskan peluang menyertai aneka aktiviti diadakan antaranya kaunter bimbingan kerjaya MYFutureJobs, forum kemandirian wanita, gerai jualan, promosi gunting rambut RM1, Kebaya Showcase dan cabutan bertuah.

Ada tersenyum sambil berzumba, tidak kurang juga para isteri menguntumkan senyuman manis apabila suami mencarumkan Skim Perlindungan Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR).

Selain itu, pengunjung turut meluangkan masa singgah mendapatkan maklumat dan mencarum skim-skim ditawarkan di kaunter perkhidmatan pelanggan PERKESO.

Buktinya, pada hari perasmian Fiesta PERKESO Membawa Senyuman sahaja, seramai 391 individu telah mencarum SKSSR dan Skim Perlindungan Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS).

Fiesta PERKESO Membawa Senyuman telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Abdul Rahman Haji Mohamad.

Hadir sama ialah Pengurus Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Paling bermakna, pengunjung bukan sahaja



membawa pulang pelbagai hadiah menarik, bahkan pulang dengan senyuman selepas menikmati keseronokan di tapak acara.

Situasi itu selari dengan matlamat kempen PERKESO Membawa Senyuman bagi memberikan keceriaan buat masyarakat tempatan.

Kempen baharu PERKESO sebar kebaikan kepada masyarakat

PERKESO adalah sebuah jenama besar bertanggungjawab dalam memberi perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja dan tanggungannya di Malaysia melalui skim-skim perlindungan yang diperkenalkan.

Sejarah panjang PERKESO sinonim dengan menyokong kesejahteraan pekerja di negara ini melalui penyediaan perlindungan insurans, peningkatan keselamatan pekerjaan dan penyediaan perkhidmatan pekerjaan.

Ia termasuk golongan mudah terjejas, graduan, belia dan Orang Berinsurans (OB).

Ketua Pegawai Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat PERKESO, Roshaimi Mat Rosely berkata, PERKESO turut aktif melaksanakan program komuniti sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat mendekati masyarakat sekali gus mempromosikan



ROSHAIMI MAT ROSELY
Ketua Pegawai Komunikasi
dan Hal Ehwal Korporat
PERKESO

Agenda ini akan diketengahkan secara lebih konsisten untuk tahun 2024 melalui pendekatan kempen jenama khusus iaitu *PERKESO Membawa Senyuman*.

perkhidmatan yang disediakan selaras dengan tema '*PERKESO ITU PRIHATIN, PRIHATIN ITU PERKESO*'.

Beliau menambah, sebagai peneraju keselamatan sosial yang unggul, komprehensif dan dinamik, PERKESO agresif menyediakan skim keselamatan sosial yang cemerlang dalam



Tujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap jenama PERKESO dalam kalangan golongan sasaran seterusnya mewujudkan *feel good factor* kepada Orang Berinsurans (OB).

MISI KEMPEN PERKESO MEMBAWA SENYUMAN



memberikan keceriaan serta kesejahteraan kepada rakyat Malaysia.

Beliau menjelaskan, lebih ramai orang akan mengenali dan mengingati jenama PERKESO dan dapat membina reputasi yang baik dengan imej positif dalam kalangan masyarakat negara ini dengan peningkatan kesedaran.

Sediakan payung sebelum hujan

Ber cerita bagaimana PERKESO mampu mengukir senyuman kepada orang lain, Roshami berkata, episod seperti kehilangan orang tersayang atau kecacatan anggota semasa bertugas merupakan detik yang sangat berat untuk dilalui oleh sesiapa pun.

"Bagaimanapun, jika kita menyediakan payung sebelum hujan dengan mengambil langkah-langkah keselamatan dengan skim perlindungan PERKESO, sedikit sebanyak beban mereka akan berkurang melalui faedah-faedah yang disediakan."

Katanya lagi, Showcase Galeri PERKESO Membawa Senyuman adalah untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat bagaimana PERKESO akan sentiasa bersama-sama dengan Orang Berinsurans (OB) ketika

2 Di bawah kempen ini, PERKESO mahu menyampaikan mesej bagaimana kami mampu mengembalikan senyuman kepada OB apabila mereka melalui episod sukar dalam kehidupan.

3 PERKESO turut menjalin kerjasama dengan pelbagai kementerian, agensi, dan pihak berkepentingan lain untuk memastikan keseluruhan program dapat dilaksanakan dengan berkesan.

4 PERKESO menyambut baik saranan kerajaan Malaysia Madani dalam pembentangan Bajet 2023 untuk mengaktifkan semula ekonomi dan menyediakan peluang menjana pendapatan.

5 Program ini menawarkan sesi libat urus dengan masyarakat membabitkan semua produk-produk yang terdapat dalam skim-skim perlindungan PERKESO.



mereka memerlukan sokongan.

Program itu juga dapat menggerakkan dan memastikan golongan sasaran terutamanya pekerja sendiri serta suri rumah mendaftar supaya mendapat perlindungan apabila berhadapan sebarang risiko.

"Ia sekali gus terlibat secara langsung dalam meneroka peluang pekerjaan baharu bersesuaian untuk janaan pendapatan kepada rakyat Malaysia khasnya kepada golongan pencari kerja.

Sejarah dengan tekad untuk menyediakan perkhidmatan terbaik yang melangkuai ekspektasi pelanggan," kata Roshami.


Suri rumah layak mencarum

SKSSR melindungi suri rumah yang ditimpa ujian keuzuran dan keilatan semasa menguruskan rumah tangga.

Apabila ketua rumah menerima manfaat sebagai pencarum, nasib pasangannya yang tidak bekerja juga tidak terpinggir. Meskipun hanya di rumah, risiko keselamatan tetap ada dan PERKESO tampil menyediakan perlindungan buat suri rumah melalui satu skim khas.

Sejak PERKESO memperkenalkan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) pada 1 Disember 2022, ramai wanita telah menikmati manfaatnya sekali gus mengurangi beban para suami apabila berlaku perkara yang tidak diingini.

Skim yang membela nasib wanita ini mendapat perhatian kerajaan apabila dibentangkan di bawah Belanjawan 2024, yang mana sejumlah dana telah diluluskan untuk agihan melalui dua kaedah.



SKSSR bakal memberi manfaat kepada golongan wanita sama ada mereka bergelar suri rumah sepenuh masa atau separuh masa daripada bencana domestik dan keilatan ketika menguruskan keluarga di rumah.”



FAEDAH PERLINDUNGAN BENCANA DOMESTIK

FAEDAH PERLINDUNGAN KEILATAN

- Faedah Perubatan
- Faedah Hilang Upaya Kekal
- Elaun Layanan Sentiasa
- Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Dialisis
- Faedah Pengurusan Mayat
- Pencen Penakat

- Elaun Keuzuran
- Elaun Layanan Sentiasa
- Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Dialisis
- Faedah Pengurusan Mayat
- Pencen Penakat

Seperi yang dimaklumkan dalam kenyataan rasmi Kementerian Kewangan, di bawah Belanjawan 2024, RM30 juta diperuntukkan untuk wanita yang berdaftar di bawah eKasih yang memenuhi syarat peruntukan belanjawan, manakala RM20 juta pula diperuntukkan untuk pembaharuan caruman suri rumah berinsurans (SRB) di bawah inisiatif kerajaan sedia ada yang bakal tamat tempoh pada November 2024 kelak.

Menurut Ketua Bahagian Sinergi PERKESO, Rahmat Ismail, SKSSR adalah akses perlindungan menyeluruh untuk suri rumah yang turut sama memainkan peranan besar dalam menyumbang kepada kemaslahatan keluarga dan negara amnya.

"Dalam tugas harian menguruskan rumah tangga, suri rumah juga berhadapan dengan pelbagai risiko. Misalannya, kediamaan yang tidak diselenggara dengan baik pastinya terdedah kepada risiko kemalangan akibat kekurangan akses kepada keselamatan dan kesihatan. Selain itu, masalah elektrik dan kerosakan struktur juga boleh meningkatkan kadar kemungkinan berlakunya kemalangan. Justeru, SKSSR bukan sekadar jaminan pendapatan semasa kemalangan tetapi ia juga inisiatif kepada pencegahan."

"Sehubungan itu, SKSSR adalah peluang terbaik buat suri rumah mendapatkan akses kepada perlindungan sosial demi menjamin



RAHMAT ISMAIL
Ketua Bahagian Sinergi
PERKESO

Di bawah tumpuan ketiga, Peningkatan Darjah Hidup Rakyat, menerusi ikhtiar kelapan iaitu melindungi kehidupan rakyat bagi perkara kelima untuk perlindungan sosial telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta bagi perlindungan SKSSR yang mana peruntukan ini bakal memanfaatkan lebih 400,000 suri rumah yang berdaftar di bawah eKasih."

kesejahteraan hidup," ujar beliau.

"Keluarga Allahyarhamah telah menerima faedah berjumlah RM10,640 yang merangkumi Faedah Pengurusan Mayat sebanyak RM2,000 dan Pencen Penakat untuk anak yang belum mencapai usia 18 tahun sebanyak RM180 selama 48 bulan iaitu berjumlah RM8,640."

Lihat sebelah



SIAPA YANG LAYAK?

Berumur kurang **55 tahun**
atau belum mencapai

54 tahun sewaktu kali pertama mencarum

Selesai membayar caruman melebihi
tempoh 12 bulan

Suri rumah
warganegara Malaysia atau
pemastautin tetap

Dari sebelah

INFO

Seorang wanita meninggal dunia akibat Covid-19 kategori 5 yang mana keluarganya menerima faedah pencegahan penakat SKSSR, hanya selepas lima hari mencarum.

"Oleh itu, kami berharap dapat membuka mata lebih ramai wanita bergelar suri rumah untuk mendaftar di bawah skim ini. Dengan SKSSR, secara tidak langsung kesejahteraan hidup golongan suri rumah lebih terjamin, seterusnya membantu institusi keluarga berhadapan dengan kejutan pendapatan, sekiranya terjadi sesuatu pada masa hadapan.

"Galakan penyertaan wanita mencarum di bawah SKSSR secara tidak langsung dapat meningkatkan kesedaran dan membina sebuah masyarakat yang cakna ke arah melindungi golongan suri rumah yang memainkan peranan penting dalam institusi kekeluargaan," ujar Rahmat lagi.

Untuk memohon dan mencarum di bawah SKSSR ini, kunjungi pejabat PERKESO berhampiran atau layari laman web

<https://suri.perkeso.gov.my>



Sila imbas di sini



"Salah seorang daripadanya ialah Kogilavani Thangaveloo. Beliau mula mencarum dalam SKSSR sebanyak RM120 pada 27 Disember 2022. Kemudian selepas 141 hari mencarum iaitu pada 16 Mei 2023, beliau disahkan menghidap masalah buah pinggang kronik Tahap 5.

"Justeru, beliau akan menerima faedah sebanyak RM77,500 sehingga berusia 55 tahun hasil mencarum di bawah SKSSR. Manfaat yang diterima itu merangkumi Elaun Keuzuran - RM300 x 55 bulan (RM16,500); Rawatan Dialisis - RM200 x 55 bulan (RM11,000); alatan pemulihan (RM50,000) dan Elaun Layanan Sentiasa - RM250 x sebulan."

SKSSR jadi penyelamat dalam situasi luar jangka

Setiap ketua keluarga sebaiknya mendaftar pasangan masing-masing di dalam Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) yang terbukti amat bermanfaat. Betapa pentingnya mencarum sekarang demi masa depan orang tersayang, berikut dua kisah yang boleh diambil sebagai iktibar.

Isteri sakit terima manfaat caruman suami

Suami kepada Wan Shafini Wan Daud, 53, telah mula mencarumkan beliau dalam SKSSR pada bulan September 2023, tanpa menyangka bahawa suatu hari ia akan memberi manfaat yang begitu besar kepada diri beliau.

"Pada bulan November 2023, saya diserang angin ahmar ketika menghadiri sebuah kursus pengurusan pendidikan di Melaka di mana saya juga menerima rawatan selama lapan hari di Hospital Melaka.

"Kemudian pada bulan Disember, suami saya menghubungi pegawai PERKESO dan beliau mencadangkan untuk mengisi borang permohonan bantuan SKSSR.

"Alhamdulillah, saya bersyukur kerana dalam masa yang singkat, pada bulan Januari, saya telah dipanggil untuk penilaian kesihatan dan seminggu kemudian saya menerima duit faedah dari SKSSR," kata Wan Shafini yang menetap di Kajang, Selangor.

Beliau menambah yang beliau masih lagi menerima rawatan susulan fisioterapi dan neurologi di Hospital Sultan Abdul Aziz UPM.

"Duit faedah yang saya terima dari SKSSR telah memberi sokongan untuk kos ubat-ubatan dan rawatan saya. Lebih dari sekadar bantuan kewangan, faedah ini memberikan harapan dan kelegaan kepada saya dan keluarga saya.

"Oleh itu, saya ingin menggalakkan semua orang, terutamanya suri rumah, untuk mencarum kepada skim ini supaya dapat memberi

Pencarum, Izudin Mohd Yaman bersama isteri, Wan Shafini Wan Daud (kiri) yang diju di dengan penyakit angin ahmar.



perlindungan kewangan dalam situasi yang tidak diingini seperti kemalangan atau penyakit," tambah Wan Shafini yang juga seorang pesara guru.

Pasangan tidak berkerja turut layak terima bantuan

"Skim ini memberi manfaat besar kepada saya kerana kemalangan jatuh dari tangga di rumah," kata Kasduri Espvara dari Rawang, Selangor.

Beliau bersyukur atas faedah yang diterimanya kerana suaminya telah mencarumkan beliau di bawah SKSSR sejak Mac tahun lepas.

"Kecelakaan berlaku semasa saya menaiki tangga untuk menidurkan anak. Awalnya, saya hanya merawat sendiri dengan menyapu minyak angin dan menuam ais pada kaki yang Bengkok dengan bantuan anak.

"Namun, apabila keadaan tidak bertambah baik, saya menerima rawatan di KPJ Rawang. Berkat skim yang dicarum suami, saya menerima bantuan kewangan sebanyak RM1,200.

"Saya menggunakan wang tersebut untuk membeli peralatan perubatan yang membantu pemulihan kaki saya," ujar Kasduri.

SKSSR memberi perlindungan bencana domestik kepada suri rumah yang mengalami kemalangan atau apa-apa insiden semasa melakukan urusan berkaitan rumah tangga.



Sebagai individu Orang Kelainan Upaya (OKU), bantuan amat diperlukan dan saya sudah cuba menghubungi pelbagai agensi tetapi tidak membawa hasil. Namun, melalui *Program Social Synergy* anjuran PERKESO, Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZMAIWP) telah menyalurkan bantuan berbentuk wang tunai bagi membantu meringankan beban saya membuka perniagaan. Kini, saya sudah mampu menampung kehidupan keluarga.

FARIT SHAHUDIN

(Prospek Program Social Synergy)

PERKESO peneraju keselamatan sosial

Komitded terhadap kesejahteraan dan kebajikan tenaga kerja negara.

Apa itu *Program Social Synergy*?

Program diperkenalkan pada tahun 2017 itu merupakan inisiatif PERKESO menyediakan jaringan keselamatan sosial yang sistematis, komprehensif, holistik dan *end-to-end solution* melalui kolaborasi pelbagai rakan strategik di negara ini.

Ia bertujuan memastikan seluruh rakyat menerima hak perlindungan keselamatan sosial selayaknya bagi meningkatkan taraf hidup individu dan keluarga.

Ketua Cawangan Skuad Prihatin Sosial Sinergi PERKESO, Rosmasita Mohamed berkata, *Program Social Synergy* yang dibina dengan mengadaptasi model keselamatan sosial dari negara maju seperti Australia dan Amerika Syarikat, mengasimilasikan tiga kategori keselamatan sosial iaitu Bantuan Sosial, Insurans Sosial dan Intervensi Pasaran Buruh.

Formula terbaik itu adalah untuk meningkatkan pendapatan sara hidup dan mengurangkan kadar kemiskinan di Malaysia.

“Dengan adanya program ini, ia dapat mewujudkan satu platform keselamatan sosial secara berpusat, sistematis dan komprehensif untuk rakyat.

“Pada masa sama, melahirkan pengamal



ROSMASITA MOHAMED

Ketua Cawangan Skuad Prihatin Sosial Sinergi PERKESO

Buat masa ini, terdapat lebih 350 agensi kerajaan, bukan kerajaan, swasta dan pemimpin masyarakat terlibat dalam *Program Social Synergy* serta 1,100 koordinator rentas agensi. Penglibatan tersebut dapat memperkasa *No Wrong Door Policy* yang memacu revolusi keselamatan sosial di Malaysia.”

keselamatan sosial yang kompeten sehingga mampu membentuk komuniti keselamatan sosial unggul,” ujarnya.

Program Social Synergy juga dapat menjadikan rakyat negara ini lebih holistik dengan memiliki kemahiran kompeten dalam pelbagai bidang.

Rentas agensi

Mengulas lanjut, Rosmasita berkata, program tersebut dibangunkan untuk meningkatkan sosioekonomi keluarga di negara ini. Ia

menggunakan format kolaborasi fleksibel bagi memastikan semua agensi memberikan komitmen tinggi untuk membantu masyarakat tempatan.

"Ia terbahagi kepada lima bahagian iaitu kewangan, pendidikan dan latihan; faedah, perlindungan dan wakalah; perubatan dan kesihatan dan pekerjaan dan perniagaan.

"Direkodkan, setakat ini *Program Social Synergy* telah membantu lebih 10,000 prospek melibatkan lebih 26,000 penyaluran rentas agensi di seluruh negara," kata Rosmasita.

Skuad PERKESO Prihatin

Program Social Synergy telah diselaraskan di peringkat kerajaan dan dalam rangka kerja bagi

Menerusi inisiatif ini Skuad PERKESO Prihatin bertindak selaku *man on the ground* untuk melaksanakan kefungsian *serve and search* bagi memastikan tiada lagi kecinciran bantuan. Asimilasi Skuad PERKESO Prihatin dan *Program Social Synergy* mempelopori pelaksanaan penyaluran bantuan rentas agensi selaku Koordinator *Program Social Synergy*.

membantu menoktahkan kemiskinan di negara ini.

Selain *Program Social Synergy* pihak PERKESO turut memperkenalkan strategi penjenamaan baharu melalui penubuhan Skuad

[Lihat sebelah](#)

IMPAK POSITIF SKUAD PERKESO PRIHATIN

- 1** Peningkatan tahap kecekapan dan kompetensi Pegawai Skuad di setiap pejabat PERKESO melalui pemantauan pelaporan dan aktiviti yang lebih sistematis, komprehensif dan efisien.
- 2** Tahap penyusunan dan koordinasi pelaporan yang lebih berkesan dan tepat melalui Sistem MySynergy.
- 3** Penjimatan kos publisiti di media kesan daripada peningkatan jumlah sesi libat urus bersama media, individu atau agensi yang berkepentingan oleh Pegawai Skuad di setiap pejabat.



Dari sebelah

PERKESO Prihatin pada tahun 2016.

Skuad berkenaan berperanan sebagai wadah aspirasi yang prihatin bagi melaksanakan sebuah langkah proaktif untuk mengesan, menjelak dan melaksanakan pemprosesan faedah segera melalui pelbagai saluran seperti media cetak, elektronik dan sosial.

Mengulas lanjut mengenai Skuad PERKESO Prihatin, Rosmasita memberitahu, inisiatif

dilahirkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed itu dalam usaha menyediakan perkhidmatan melangkaui ekspektasi pelanggan.

Jelasnya, pihak PERKESO sentiasa bersedia bertindak selaku agensi peneraju keselamatan sosial yang dinamik, komprehensif dan unggul di negara ini.

PENCAPAIAN PROGRAM SOCIAL SYNERGY

Anugerah Emas Team Excellent Malaysia 2018, 2019, 2020, 2021, 2022 dan 2023

Outstanding Presentation pada Asia Pacific Quality Organization 2020

Excellent Award pada International Quality Productivity Convention 2023

Pengiktirafan Revolusi Industri 2.0 oleh MPC

Good Practice with Special Mention by Jury oleh International Social Security Association 2021

PAR Excellent Awards pada International Convention Quality Control Circle 2020

Recognition Award oleh Asian Social Security Association 2019

Filem pendek raya 'PESAN AYAH'

Tema perlindungan dan kasih sayang jadi pilihan.

PERKESO mengangkat figura seorang bapa sebagai karakter utama bagi penghasilan filem pendek Aidilfitri untuk tahun ini. Karya itu mengetengahkan konsep perlindungan dan kasih sayang terhadap keluarga meskipun perlu membanting tulang bagi menampung kehidupan searian.

Kisah tersebut mencerminkan realiti kehidupan kebanyakan keluarga *working class*. Perjalanan cerita memaparkan watak seorang ayah lakonan Zamarul Hisham digambarkan sebagai susuk yang bekerja keras demi memastikan kehidupan keluarganya berjalan lancar.

Meskipun sibuk dengan pekerjaan, beliau tetap berusaha membantu dalam persiapan Hari Raya Aidilfitri melalui komunikasi jarak jauh.

Dalam pada itu, kisah berkenaan turut mencerminkan komitmen dan dedikasi seorang ayah dalam memastikan kebahagiaan keluarganya, meskipun terbatas dek waktu dan jarak.

Pada malam 1 Syawal tatkala sahutan takbir raya berkumandang, ketukan pintu rumah memecah hening sahutan takbir. Raut wajah Reza dilakonkan Idan Aedan dan Rafique Iskandar serta ibunya, Suraya (Shiqin Kamal) gembira menyambut kepulangan ayah daripada kerja.

Apakah yang bakal berlaku kepada keluarga ini? Saksikan filem pendek Aidilfitri berjudul *Pesan Ayah* diterbitkan PERKESO pada 2 April 2024 di platform YouTube.



Sentiasa selamat di jalan raya

Musim perayaan bakal menjelang, selamat pulang ke kampung halaman. Mesti fokus sewaktu memandu kerana sesaat leka mengundang padah.

Rancang perjalanan

Semak situasi trafik semasa dan keadaan cuaca. Pastikan tubuh badan sudah mendapat rehat yang secukupnya sebelum memulakan pemanduan.



Periksa kenderaan

Bagaimana keadaan brek, lampu dan tekanan tayar kenderaan anda? Semuanya perlu dalam keadaan baik agar perjalanan lancar sampai ke destinasi.

Jangan tergesa-gesa

Tahap laju pemanduan mesti kekal dalam julat had kelajuan yang ditetapkan. Kesabaran itu penting apabila berada di atas jalan raya!



Tali keselamatan

Masih diambil ringan oleh segelintir pemandu. Pemandu dan penumpang harus saling ingat-mengingati akan kepentingan pemakaian tali pinggang keledar.



Telefon bimbit

Tabiat buruk menggunakan telefon bimbit sewaktu memandu adalah sikap yang tidak bertanggungjawab. Kecualian ini amat serius kerana boleh meragut nyawa.

